

**TEKS UCAPAN
PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PEMBUKAAN KONVENSYEN
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
PERINGKAT UiTM 2025**

**25 NOVEMBER 2025 | SELASA | 9.00 PAGI
DEWAN KULIAH 500 (DK500)
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Dr. Mohd Haidzir Abdul Manaf
Dekan Fakulti Sains Kesihatan

YBrs. PM. Ts. Dr. -Ing Shahrul Azam Abdullah
Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan
Kecemerlangan Operasi UiTM

YBrs. Dr Nik Azlin Nik Ariffin
Ketua Kecemerlangan Operasi Dan Inovasi (INQKA)

YBrs. Dr. Emmy Hainida Khairul Ikram

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana KIK Peringkat
UiTM 2025

Barisan Jawatankuasa Pelaksana Program

Para Finalis Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan serta para
hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberikan kesihatan dan kesempatan untuk berkumpul pada hari ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Pembukaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UiTM 2025.**
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada **Fakulti Sains Kesihatan** atas peranan cemerlangnya sebagai tuan rumah bagi penganjuran Konvensyen KIK Peringkat UiTM pada tahun ini.
3. Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada seluruh ahli jawatankuasa penganjur, juri, fasilitator, dan semua finalis yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam menjayakan program yang amat bermakna ini.

4. Konvensyen KIK ini bukan sekadar medan pertandingan, ia adalah manifestasi budaya inovasi dan penambahbaikan berterusan yang menjadi teras kepada kecemerlangan organisasi.
5. Berlandaskan tradisi sejak 1980-an, konvensyen ini menjadi platform penting yang menyatukan usaha Kumpulan Inovatif dan Kreatif UiTM untuk memupuk budaya kreativiti, inovasi serta penyelesaian masalah di tempat kerja dalam satu ekosistem yang lebih tersusun dan berdaya saing.
6. UiTM sentiasa yakin bahawa kemajuan institusi turut bergantung kepada daya fikir, kreativiti dan semangat inovatif dalam kalangan warganya.
7. Dengan tema “**Ledakan Kreativiti**”, penganjuran konvensyen tahun ini seiring misi UiTM melahirkan warga yang kritikal dan kreatif, selaras aspirasi

nasional yang menekankan gabungan kreativiti dan inovasi sebagai pemangkin penyelesaian baharu yang relevan dengan cabaran semasa.

Hadirin sekalian,

8. Saya difahamkan bahawa tahun ini sebanyak **20 kumpulan** telah terpilih untuk mara ke peringkat UiTM setelah berjaya melepasi beberapa peringkat kelayakan.
9. Saya percaya, setiap kumpulan KIK membawa idea berimpak tinggi, dan walaupun projek berbeza skop, matlamatnya sama iaitu meningkatkan kualiti, kecekapan, dan keberkesanan perkhidmatan UiTM.
10. Kepada semua peserta, anda adalah duta inovasi UiTM, dan setiap idea yang lahir di konvensyen ini

membuktikan keupayaan warga UiTM mencipta penyelesaian relevan dan praktikal.

11. Dalam konteks yang lebih luas, budaya KIK sebenarnya menyokong aspirasi UiTM untuk menjadi universiti yang bertaraf global dan mampan.

12. Ini juga selari dengan Objektif Baharu UiTM yang ke-6 iaitu “mengungguli keserjanaan ilmu keterhadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkormesialan berimpak tinggi dan lestari”.

13. Justeru, saya berharap konvensyen ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak projek inovatif dan kolaborasi rentas fakulti serta kampus, sekaligus memberi manfaat kepada keseluruhan ekosistem UiTM.

14. Akhir kata, tahniah kepada semua peserta atas usaha dan pencapaian yang membanggakan sehingga berjaya mara ke peringkat akhir ini.

Laut tenang memantul mentari,
Angin sepoi menyejukkan hati,
Warga UiTM menjana inovasi,
Membawa manfaat untuk universiti.

15. Dengan lafaz suci *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacita merasmikan **Pembukaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UiTM Tahun 2025.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**